


# 'Sihat, cergas dan cerdas'

## ► Pelajar baharu UMSKAL jayakan senamrobik MSM



**PELAJAR** baharu mencipta formasi MSM UMS 20 bersama pegawai dan PSM yang berlatarbelakangkan pantai dan laut serta padang golf 18 lubang.

UB 9.9.2014 81

**M**INGGU Suai Mesra (MSM) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dimeriahkan lagi dengan program senamrobik di perkarangan letak kereta di universiti itu, Sabtu lalu.

Seawal jam 7 pagi lagi, seramai 856 pelajar baharu sudah berada di lokasi untuk bersenam bersama Timbalan Pengarah Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal

yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik. Turut hadir Pegawai Belia dan Sukan Gabriel Moinjil dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Mas Adi Alimin.

Dalam ucapan ringkasnya, Geoffrey berharap semua pelajar UMSKAL khususnya pelajar baharu yang mendaftar pada sesi 2014/2015 ini akan sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan di sepanjang

tiga hingga empat tahun pengajian mereka di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, pelajar yang sihat, cergas dan cerdas akan mudah menerima ilmu pembelajaran dan pengajaran di bilik kuliah daripada pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan dan Fakulti Komputeran dan Informatik.

Malah, pelajar yang memiliki tubuh yang sihat

akan memudahkan mereka mengikuti pelbagai aktiviti anjuran universiti, kolej kediaman, fakulti dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

"UMSKAL memerlukan mahasiswa yang sihat, cergas dan cerdas bukan sahaja untuk mengikuti pelbagai program universiti tetapi juga untuk mencipta kejayaan dan kecemerlangan pada masa akan datang," katanya.

Sebelum program senamrobik itu berakhir,



(Atas) **PEGAWAI** dan kakitangan turut menjayakan senamrobik bersama pelajar baharu.

(Kanan) **SEBAHAGIAN** pelajar perempuan yang menyertai senamrobik di perkarangan letak kenderaan UMS Labuan.



pelajar baharu itu mencipta formasi MSM UMS 20 sebagai simbolik penyatuan dalam kalangan warga universiti yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama dari seluruh negara serta pelajar antarabangsa dari China.

Sementara itu, Gabriel mengucapkan terima kasih kepada semua Pembimbing Suai Mesra (PSM) sesi 2014/2015 yang bekerja keras menjayakan program tahunan itu.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua

pegawai dan kakitangan yang terbabit khususnya dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Sukan.

Gabriel berharap kerjasama dan komitmen pelajar baharu itu akan berkekalan dalam menjayakan program yang lain dalam tempoh pengajian

mereka di Wilayah Persekutuan Labuan.

Program senamrobik itu juga diadakan sempena Bulan Kemerdekaan Negara ke-57 pada tahun ini yang bertemakan 'Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta' dan Ulangtahun UMS ke-20 tahun.